

E-BULETIN EKSA



ZON PT&K




**JAWATANKUASA PROMOSI EKSA
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL
DAN KOMPLEMENTARI (BPTK)
TAHUN 2025**



ISI KANDUNGAN

Carta Organisasi EKSA BPTK	3
Gotong-Royong Bil. 1/2025 dan Bil. 2/2025	4
Kitar Semula Bil. 1/2025 dan Bil. 2/2025	5
Audit Kendiri BPTK Bil.1/2025 dan Bil.2/2025	6-9
Audit IPKKM ZON PT&K Bil.1/2025	10
Audit IPKKM ZON PT&K Bil.2/2025	11
Lawatan Penanda Aras	12
Kursus Pemantapan Garis Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	13

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA EKSA BPTK



DIKEMASKINI: 14 OKTOBER 2025

Carta organisasi EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) memainkan beberapa peranan penting dalam memastikan pelaksanaan inisiatif tersebut berjalan dengan lancar dan berkesan. Secara ringkasnya, carta organisasi EKSA berfungsi sebagai rangka kerja tadbir urus yang memastikan setiap ahli organisasi memahami peranan mereka dan bekerjasama secara sistematik ke arah mencapai objektif persekitaran kerja yang lebih kondusif dan efisien.

GOTONG- ROYONG BPTK

BIL.1/2025


BIL.2/2025

Aktiviti gotong-royong EKSA telah dijalankan sebanyak dua kali setahun pada **7 Mei 2025 (Bil.1/2025)** dan pada **6 November 2025 (Bil.2/2025)**

Gotong-royong EKSA bukan sekadar aktiviti "mencuci pejabat", tetapi merupakan budaya kerja yang menekankan disiplin, kebersihan, dan kecekapan dalam pengurusan tempat kerja.

Gotong-royong EKSA adalah aktiviti pembersihan, pengemasan, dan pengindahan kawasan tempat kerja yang dilakukan secara kolektif oleh semua warga organisasi, berlandaskan prinsip-prinsip EKSA seperti Sisih, Susun, Sapu, Seragam, dan Sentiasa Amal secara praktikal

Aktiviti ini sering diadakan secara berkala (contohnya, setiap suku tahun) untuk memastikan tahap kebersihan dan kekemasan sentiasa terpelihara.



PROGRAM KITAR SEMULA BPTK

BIL.1/2025

BIL.2/2025

Program Kitar Semula BPTK telah dijalankan sebanyak dua kali setahun iaitu pada **7 Mei 2025 (Bil.1/2025)** dan pada **7 November 2025 (Bil.2/2025)**.

Kitar semula merupakan komponen penting dalam inisiatif EKSA dan selari dengan amalan kelestarian alam sekitar serta pengurusan sumber yang cekap dalam sektor awam.

Dalam konteks EKSA, aktiviti kitar semula bukan sekadar membuang sampah ke tong yang berasingan, tetapi merupakan sebahagian daripada proses pengurusan pejabat yang sistematik seperti:

EKSA menekankan pengurusan ruang kerja yang kemas dan bersih. Kitar semula membantu mengurangkan lambakan sisa pepejal seperti kertas, plastik, dan bahan elektronik, lantas menjadikan ruang kerja lebih teratur.

Dengan mengitar semula bahan guna semula seperti kertas, jabatan dapat mengurangkan kos pelupusan sisa dan mengoptimumkan penggunaan sumber pejabat (contohnya, cetakan dua muka surat untuk mengurangkan pembaziran kertas).

Budaya Kerja Bertanggungjawab dapat memupuk kesedaran dan amalan lestari dalam kalangan kakitangan awam, menjadikan budaya "kurang guna, guna semula, dan kitar semula" sebagai sebahagian daripada norma kerja harian.



AUDIT KENDIRI BPTK

Audit sendiri EKSA ialah proses penilaian dalaman yang dilakukan oleh jabatan terhadap tahap pelaksanaan amalan EKSA di jabatan mereka sendiri. Ia merupakan mekanisme kawalan sendiri yang kritikal bagi memastikan inisiatif penambahbaikan persekitaran kerja berjalan secara berterusan dan berkesan.

Tujuan Audit Kendiri EKSA adalah bagi mengukur tahap pematuhan semasa, mengenal pasti jurang dan ketidakpatuhan dan meningkatkan akauntabiliti untuk memastikan kawasan seliaan mereka sentiasa berada pada tahap terbaik.

PENEMUAN HASIL AUDITAN

BIL.1/2025 & BIL.2/2025 AMALAN BAIK - SUDUT BACAAN/INFORMASI



BIL.1/2025 & BIL.2/2025 AMALAN BAIK - INISIATIF "STRESS FREE AREA"



BIL.1/2025 & BIL.2/2025 AMALAN BAIK - SUDUT GO GREEN




PENGIKTIRAFAN EKSA



Ruang Kerja Terbaik
Cawangan Amalan PT&K
Dr. Jaspal Kaur Marik Singh



Pantry Terbaik
Cawangan Dasar &
Perkembangan



Ruang Gunasama
Terbaik
Cawangan Inspektorat
& Penguatkuasaan




Laci Terbaik
Unit Pentadbiran &
Kewangan
Puan Anipah binti
Hj. Asikin



Inovasi Terbaik
Cawangan Majlis PT&K

HASIL PENEMUAN AUDIT KENDIRI

SEBELUM




SELEPAS



SEBELUM



SELEPAS



BIL.1/2025

BIL.2/2025

RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT KENDIRI

1.BIL.1/2025

Secara keseluruhan Audit Kendiri EKSA Zon PT&K Bil.1/2025 yang diadakan pada 23 Jun 2025 telah mematuhi sebahagian besar kehendak kriteria pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MAMPU serta memperoleh markah **96.5% (CEMERLANG)**.

2.BIL.2/2025

Secara keseluruhan Audit Kendiri EKSA Zon PT&K Bil.2/2025 yang diadakan pada 11 November 2025 telah mematuhi sebahagian besar kehendak kriteria pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MAMPU serta memperoleh markah **96.89% (CEMERLANG)**.

AUDIT EKSA IPKKM BIL.1.2025

Audit EKSA IPKKM Bil.1/2025 untuk Zon PT&K telah diadakan dengan jayanya pada 17 Julai 2025. Markah keseluruhan audit adalah cemerlang (97.18%). Antara amalan baik yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

HASIL PENEMUAN AMALAN BAIK




Keseragaman informasi di setiap unit



Penyediaan Kod QR bagi maklumat EKSA kepada anggota BPTK



Ruang kerja pegawai yang kondusif dan selesa.



Ruang gunasama yang kondusif



Pembudayaan "Go Green"

AUDIT EKSA IPKKM BIL.2.2025

Audit EKSA IPKKM Bil.2/2025 untuk Zon PT&K telah diadakan dengan jayanya pada 10 Disember 2025. Markah keseluruhan audit adalah cemerlang (98.85%). Antara amalan baik yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

HASIL PENEMUAN AMALAN BAIK



sudut informasi dan diberi pengiktirafan di Cawangan Pembangunan Profesion di Blok E aras 3 Zon T&CM



Laci alat tulis yang kemas tersusun dan diberi pengiktirafan di Zon T&CM



Kreativiti dan inovasi barang kitar semula di Zon T&CM



Ruang pantry yang kemas, bersih dan selesa di Zon T&CM.



Susunan fail yang seragam dan kemas di Unit Pentadbiran dan Kewangan Zon T&CM



Terdapat ruang Galeri yang tersusun kemas, bersih dan menarik di Zon T&CM



LAWATAN PENANDA ARAS

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari telah menerima lawatan penanda aras EKSA daripada Program Perkhidmatan Farmasi pada 8 Julai 2025. Seramai 21 orang daripada Program Perkhidmatan Farmasi telah datang melawat bagi tujuan meningkatkan pengetahuan dan berkongsi amalan terbaik dalam pelaksanaan EKSA. Lawatan penanda aras antara jabatan merupakan inisiatif strategik bagi mendedahkan warga kerja kepada gambaran yang lebih jelas tentang amalan EKSA.



KURSUS PEMANTAPAN GARIS PANDUAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

Kursus ini telah berjaya diadakan pada 10 Julai 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Aras 1, Blok E. Seramai 23 orang peserta daripada BPTK telah hadir dengan kumpulan sasaran adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) BPTK dan Kumpulan Pelaksana BPTK

Objektif kursus adalah seperti berikut:

- Memperkukuhkan pengetahuan serta pemahaman mendalam dalam kalangan semua anggota mengenai kandungan dan penambahbaikan yang diperkenalkan dalam Garis Panduan EKSA baharu yang diterbitkan pada tahun 2024.
- Meningkatkan tahap kesedaran anggota terhadap kepentingan mematuhi Garis Panduan EKSA baharu bagi memperkukuhkan pelaksanaan amalan EKSA yang lebih efisien dan berkualiti di tempat kerja.
- Menyelaraskan serta memberi panduan kepada anggota dalam melaksanakan Garis Panduan EKSA baharu secara sistematik, teratur, dan selaras dengan keperluan serta objektif organisasi.





BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

 www.moh.gov.my/tcm

 tcm@moh.gov.my

 03-22798100

JAWATANKUASA PROMOSI EKSA
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
TAHUN 2025